

**KITAB TURATH FIQH SYAFIE JAWI SEBAGAI MEDIUM PENYAMPAIAN ILMU
FARDU AIN DI MALAYSIA: ANALISIS METODOLOGI PENULISAN KITAB
HIDAYAT AL-SIBYAN FI MA'RIFAT AL-ISLAM WA AL-IMAN**

Syed Salim bin Syed Shamsuddinⁱ, Muhammad Farid Wajdi bin Ab. Rahimⁱⁱ,
Abdul Karim bin Pardonⁱⁱⁱ & Mohd Faisal Mohamed^{iv}

ⁱ (*Corresponding author*) Pensyarah Kanan. Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia. syedsalim@usim.edu.my

ⁱⁱ Calon Ijazah Sarjana. Fakulti Syariah dan Undang-undang Universiti Sains Islam Malaysia. mfaridw24@gmail.com

ⁱⁱⁱ Calon Ijazah Sarjana. Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia. pak_tayem@yahoo.com

^{iv} Pensyarah Kanan. Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia. mohdfaisal@usim.edu.my

Abstrak

Dalam memahami ilmu fiqh, di samping teks-teks Arab teks-teks turath Jawi digunapakai secara meluas sejak awal kedatangan Islam di Nusantara yang memberi impak yang besar terhadap bidang keilmuan dan pengamalan agama Islam penduduk Melayu. Di antara teks utama yang digunapakai di Malaysia ialah kitab Hidayat al-Sibyan fi Ma'rifat al-Islam wa al-Iman karya Abu Abdullah Husein bin Muhammad Nasir bin Muhammad Thayyib al-Mas'udi al-Banjari. Artikel ini meninjau serta menjelaskan secara ringkas bagaimana kitab turath fiqh Jawi memainkan peranan sebagai medium pengajaran dan pembelajaran ilmu fardu ain kepada masyarakat Melayu di Malaysia. Seterusnya, artikel ini menganalisa metodologi penulisan kitab Hidayat al-Sibyan fi Ma'rifat al-Islam wa al-Iman dan pendekatan yang digunapakai oleh pengarang. Artikel ini menggunakan kaedah kualitatif deskriptif melalui analisis dokumen terhadap teks-teks fiqh Jawi turath dan penulisan yang berkaitan serta analisis terhadap kitab Hidayat al-Sibyan secara khusus. Dapatan penulisan ini menunjukkan karya-karya turath fiqh Syafie Jawi telah memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk keilmuan fiqh masyarakat Melayu zaman berzaman khususnya dalam bidang fardu ain. Kitab Hidayat al-Sibyan ialah antara kitab terpenting dan masyhur dalam pendidikan fardu ain berkaitan ibadat. Gaya penyampaiannya yang mudah tetapi lengkap telah menarik perhatian para ulama tempatan untuk menjadikannya di antara teks asas bagi golongan awam mempelajari dan mengamalkan syariat Islam.

Kata kunci: Kitab Jawi, fiqh ibadat, turath islami, Tuan Husein Kedah.

PENDAHULUAN

Antara pengaruh yang terbesar kedatangan Islam ke Alam Melayu sekitar abad ke-13 dan 14 Masihi ialah membawa budaya ilmu dan intelektual. Para pendakwah yang berasal dari Timur Tengah telah membawa pendekatan dan manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah ke Nusantara, sama ada dari sudut akidah, fiqh dan tasawuf. Masyarakat Melayu telah menerima Islam yang hukum-hakam fiqhnya mengikut huraian dan tafsiran mazhab Syafie sama ada yang berkaitan dengan ibadat, munakahat, muamalat mahupun jenayah dan mereka berpegang teguh kepadanya. Natijahnya, hingga ke hari ini mazhab Syafie berkembang dan menjadi pegangan utama di Malaysia serta negara-negara jiran Indonesia, Singapura, Brunei, Selatan Thailand dan Selatan Filipina (Nu'man Jaghim, 2011).

Mazhab Syafie telah menjadi budaya dalam masyarakat Melayu Islam Malaysia dan begitu signifikan dalam penetapan hukum dan mencorakkan amalan seharian seseorang Muslim di negara ini dalam setiap aspek kehidupan yang berhubung kait dengan fiqh. Pengaruh dan kedudukan mazhab Syafie ini telah diperkukuhkan melalui aktiviti-aktiviti pembelajaran, pengajaran, penyebaran hasil karya dan pemikiran, malah ia telah di institusikan dalam bentuk rasmi melalui prosedur pengeluaran fatwa di peringkat negeri dan kebangsaan dan enakmen pentadbiran agama negeri-negeri yang mengguna pakai mazhab Syafie secara meluas. Wacana fiqh mazhab Syafie ini dianggap satu warisan keilmuan yang amat berharga di Malaysia. Artikel ini meninjau serta menjelaskan secara ringkas bagaimana kitab turath fiqh Jawi memainkan peranan sebagai medium pengajaran dan pembelajaran ilmu fardu ain kepada masyarakat tempatan. Fokus diberikan kepada pendidikan fiqh dalam urusan ibadat sebagai ilmu fardu ain yang mesti dipelajari oleh setiap individu Muslim. Di antara teks yang terkenal dan banyak digunakan untuk penyampaian ilmu fiqh ibadat di negara ini ialah kitab Hidayat al-Sibyan fi Ma'Rifat al-Islam wa al-Iman. Artikel ini akan menganalisa metodologi kitab ini sebagai medium penyampaian hukum fardu ain fiqh kepada masyarakat Islam di Malaysia.

PERKEMBANGAN KITAB FIQH MAZHAB SYAFIE DALAM SISTEM PENDIDIKAN ISLAM DI MALAYSIA

Sistem pendidikan Islam di Malaysia, sama ada pendidikan formal atau tidak formal, memberikan penumpuan kepada penguasaan seseorang pelajar kepada ilmu-ilmu fardu ain iaitu ilmu tauhid, fiqh dan tasawuf. Di antara tiga bidang tersebut, bidang fiqh menjadi salah satu fokus utama agar tindak-tanduk luaran seorang Muslim itu dapat diatur mengikut landasan dan peraturan syarak. Mazhab Syafie telah menjadi mazhab utama dalam pendidikan dan perundangan Islam di Malaysia sedari awal kedatangan

Islam lagi. Bermula dengan kerajaan Islam Pasai dan Terengganu disusuli dengan kerajaan Islam Melaka mazhab Syafie telah menjadi asas dan rujukan hukum serta permasalahan fiqh dalam segenap segi (Mahmood Zuhdi, 2007).

Ketika abad ke-15 Masihi, Empayar Melayu Melaka telah menjadi pusat kebudayaan Melayu Islam yang terkemuka di dunia dan menjadi pusat penyebaran Islam ke seluruh Asia Tenggara, secara tidak langsung menjadi pusat keilmuan fiqh Syafie di rantau ini. Dalam menyampaikan hukum fiqh kepada masyarakat Melayu, pendidikan formal dan tidak formal menjadikan mazhab Syafie sebagai asas pembelajaran di sekolah-sekolah kerajaan di negara ini dan berterusan sehingga ke hari ini sama ada di peringkat rendah atau menengah.

Dalam pendidikan tradisional di Malaysia, mazhab Syafie telah memberikan pengaruh yang besar. Pengajian-pengajian di pondok, masjid, madrasah, surau dan sekolah agama mengambil karya-karya turath fiqh mazhab Syafie sebagai teks pengajian utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran, sama ada berbahasa Arab atau Melayu bertulisan Jawi klasik (Idris Awang & Tengku Sarina Aini, 2007). Karangan tokoh-tokoh besar mazhab Syafie telah dibawa masuk dan menjadi teks penyampaian hukum fiqh kepada masyarakat Melayu. Di antara teks-teks awal berbahasa Arab yang telah diajar dan menjadi ikutan ramai masyarakat Islam di Nusantara ialah *Minhaj al-Talibin* karangan Imam al-Nawawi (w. 676H), *al-Muhazzab* karangan Imam al-Syirazi (w. 476H), *Fath al-Wahhab* karangan Syeikh al-Islam Zakariya al-Ansari (w. 926H) dan *Fath al-Mu'in* karangan Syeikh Zainuddin al-Malibari (w. 987H) (Mahmood Zuhdi, 2007). Selain itu, turut menjadi teks dan rujukan utama ialah matan *al-Ghayah wa al-Taqrif* karangan al-Qadhi Abu Syuja' al-Asfahani (w. 593H), *Hasyiah Qalyubi wa 'Umairah 'ala Syarh al-Mahalli* karangan Syeikh Syihabuddin Ahmad al-Qalyubi (w. 1069H) dan Syeikh Syihabuddin Ahmad al-Burullusi (w. 957H) dan *Hasyiah I'anat al-Talibin* karangan Sayyid Abu Bakr Muhammad Syata al-Dimyati (w. 1310H) (Abdul Halim El-Muhammady, 2012).

Selain teks-teks Arab, penentuan hukum dan permasalahan fiqh masyarakat Melayu turut bersandarkan teks-teks Jawi klasik karya para ulama tempatan. Kitab turath Jawi boleh diertikan sebagai kitab keagamaan berbahasa Melayu, Jawa atau bahasa-bahasa tempatan lain di Nusantara dengan menggunakan aksara Arab, yang ditulis oleh ulama dan cendekiawan Melayu tempatan di masa lampau, sama ada dalam bentuk karya asal atau terjemahan dari karya-karya klasik berbahasa Arab khususnya yang berasal dari Timur Tengah (Nur Sa'adah, 2015). Kemunculan kitab turath Jawi di Kepulauan Melayu telah memainkan peranan yang amat penting sebagai pencatat ilmu dan persuratan Melayu sepanjang zaman. Melalui kitab Jawi, pemikiran, pendapat dan pandangan para ulama Timur Tengah dipindahkan dan disebar kepada umat Islam di Nusantara.

Sumber rujukan asal atau terjemahan kitab-kitab Jawi diambil dari kitab-kitab turath Arab yang berautoriti dan muktamad dalam mazhab Syafie, diolah dan diadun semula mengikut situasi, realiti dan gaya bahasa tempatan. Misalnya, kitab *al-Sirat al-Mustaqim* menggunakan sumber-sumber rujukan seperti *Minhaj al-Talibin* karangan Imam al-Nawawi, *Manhaj al-Tullab* dan *Fath al-Wahhab* karangan Syeikh al-Islam Zakariya al-Ansari, *al-Anwar li A'mal al-Abrar* karangan Syeikh Yusuf al-Ardabili dan *'Umdah al-Salik Wa 'Uddah al-Nasik* karangan Syeikh Ibn al-Naqib al-Misri (Jamalluddin Hashim & Abdul Karim Ali, 2009). Manakala kitab *Sabil al-Muhtadin* menggunakan sumber-sumber rujukan seperti *Fath al-Wahhab*, *Mughni al-Muhtaj* karangan Syeikh al-Khatib al-Syarbini dan *Tuhfat al-Muhtaj* karangan Syeikh Ibn Hajar al-Haitami (Muhammad Arsyad al-Banjari, t.th.). Kitab *Furu' al-Masa'il* pula menggunakan sumber-sumber rujukan yang berupa kitab *al-Fatawa* karangan Syeikh Shamsuddin Muhammad al-Ramli dan *Kasyf al-Litham 'an As'ilah al-Anam* karangan Syeikh Hussain bin Muhammad al-Mahalli (Daud bin Abdullah al-Fatani, t.th.). Berikut ialah beberapa contoh kitab-kitab fiqh Jawi yang masyhur di Malaysia:

Bil	Judul Kitab	Pengarang
1	Al-Sirat al-Mustaqim	Syeikh Nuruddin al-Raniri (w. 1658)
2	Sabil al-Muhtadin li al-Tafaqquh fi Amr al-Din	Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari (w. 1812)
3	Bidayat al-Mubtadi wa 'Umdat al-Aulad	Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari
4	Furu' al-Masa'il wa Usul al-Wasa'il	Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani (w. 1847)
5	Idhah al-Bab Li Murid al-Nikah Bi al-Sawab	Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani
6	Munyat al-Musalli	Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani
7	Al-Jawahir al-Saniyyah fi Syarh al-'Aqid al-'Aliyyah wa Ahkam al-Fiqh al-Mardhiyyah wa Tariq Suluk al-Toriqah al-Muhammadiyyah	Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani
8	Bughyat al-Tullab Li Murid Ma'rifat al-Ahkam bi al-Sowab	Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani
9	Hidayat al-Muta'allim wa 'Umdat al-Mu'allim	Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani

10	Sullam al-Mubtadi fi Ma'rifat Tariqat al-Muhtadi	Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani
11	Kifayat al-Ghulam fi Bayan Arkan al-Islam wa Syurutih	Syeikh Ismail al-Minangkabawi (w. 1844)
12	Kasyf al-Litham 'An As'ilah al-Anam	Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani (Tuan Minal) (w. sekitar 1913)
13	'Unwan al-Falah wa 'Anfuwan al-Solah	Syeikh Ahmad bin Muhammad Zin al-Fatani (w. 1908)
14	Matla'al-Badrain wa Majma' al-Bahrain	Syeikh Muhammad bin Ismail Daudi al-Fatani (w. 1915M)
15	Wisayah al-Afrah wa Isbah al-Falah	Syeikh Muhammad bin Ismail Daudi al-Fatani
16	Al-Bahr al-Wafi wa al-Nahr al-Safi	Syeikh Muhammad bin Ismail Daudi al-Fatani
17	Hidayat al-Sibyan fi Ma'rifat al-Islam wa al-Iman	Syeikh Husain Nasir bin Muhammad Tayyib al-Mas'udi al-Banjari (w. 1936H)
18	Kifayat al-Muhtadi Pada Menerangkan Cahaya Sullam al-Mubtadi	Syeikh Muhammad Nur bin Syeikh Muhammad Saghir al-Fatani (w. 1944)

Kitab-kitab Jawi tersebut diajarkan kepada masyarakat Melayu melalui tiga peringkat utama: permulaan (mubtadi), pertengahan (mutawassit) dan tinggi (mutaqaddim/muntahi). Biasanya kitab-kitab peringkat permulaan diajar kepada kanak-kanak dan masyarakat awam di pengajian-pengajian umum. Manakala kitab-kitab peringkat pertengahan dan tinggi biasanya diajar kepada mereka yang telah kukuh asas fardu ainnya atau pelajar-pelajar pondok, sebagai tambahan dan pemantapan ilmu. Di peringkat ini masalah-masalah furuk dan khilaf ulama turut dimuatkan. Berikut ialah senarai beberapa kitab Jawi utama yang sering digunapakai dalam pengajian fiqh Syafie di Malaysia mengikut peringkat pengajian:

Peringkat / Marhalah	Judul Kitab
Permulaan (Mubtadi)	Wisayah al-Afrah wa Isbah al-Falah, 'Unwan al-Falah wa 'Anfuwan al-Salah, Kifayat al-Ghulam fi Bayan Arkan al-Islam wa Syurutih, Munyat al-Musalli, Sullam al-Mubtadi fi Ma'rifat Tariqat al-Muhtadi,

	Bidayat al-Mubtadi, Perukunan, Hidayat al-Sibyan fi Ma'rifat al-Islam wa al-Iman.
Pertengahan (Mutawassit)	Al-Jawahir al-Saniyyah, Matla' al-Badrain wa Majma' al-Bahrain, Kifayat al-Muhtadi Pada Menerangkan Cahaya Sullam al-Mubtadi, Hidayat al-Muta'allimin, Idhah al-Bab li Murid al-Nikah bi al-Sawab.
Tinggi (Mutaqaddim/Muntahi)	Sabil al-Muhtadin li al-Tafaqquh fi Amr al-Din, Al-Bahr al-Wafi wa al-Nahr al-Safi, Fath al-Mannan Syaran Matan Zubad, Bughyat al-Tullab li Murid Ma'rifat al-Ahkam bi al-Sawab, Kasyf al-Litham 'an As'ilah al-Anam, Furu' al-Masa'il wa Usul al-Wasa'il.

Penulisan para ulama di Nusantara biasanya memiliki persamaan pada beberapa aspek dan juga perbezaan yang menjadikan sesuatu kitab itu menjadi unik berbanding kitab-kitab yang lain. Walaupun kebanyakan daripada kitab-kitab Jawi membahaskan tentang permasalahan fardu ain dalam ilmu tauhid, fiqh dan juga tasawuf namun terdapat perbezaan yang ketara daripada sudut penambahan isi kandungan serta permasalahan yang berkaitan dan juga terdapat pengurangan pada sesuatu perbincangan. Gaya penulisan tersebut boleh dianggap ianya berlaku sedemikian kerana ia mengikut kecenderungan penulis dalam mempersembahkan kitab mereka samada pada tahap yang tinggi, sederhana ataupun umum.

Ada pengarang yang hanya menulis berkenaan topik-topik tertentu dalam sesuatu masalah seperti kitab Qawa'id al-Din li Ikhwan al-Mubtadin karangan Syeikh Zainul Abidin yang hanya mengulas berkenaan permasalahan *masbuq muwafiq*. Begitu juga kitab Pedoman Sembahyang Jemaah karangan Tuan Guru Haji Abdul Rahman yang menumpukan tentang perbahasan solat berjemaah sahaja. Kitab-kitab sebegini amat sesuai dipelajari dan dirujuk oleh mereka yang hanya ingin mengetahui tentang perbahasan yang tertentu sahaja tanpa perlu melalui perbincangan yang tidak berkaitan. Pada keadaan yang lain, ada beberapa kitab yang ditulis secara merangkumi seluruh perbahasan fiqh seperti kitab Sullam al-Mubtadi dan juga Hidayat al-Muta'allim wa al-'Umdah al-Mu'allim karangan Syeikh Daud al-Fatani, kitab Matla' al-Badrain karangan Syeikh Muhammad Bin Ismail al-Fatani dan kitab al-Bahjah al-Mubtadin karangan Syeikh Ahmad Bin Muhammad Zain al-Fatani (Abdul Karim, 2019).

Perbezaan juga boleh berlaku pada aspek format penulisan iaitu samada ianya ditulis dalam bentuk prosa, syair ataupun soal jawab. Penulisan dalam bentuk prosa adalah yang paling banyak digunakan oleh para ulama Nusantara termasuklah juga kitab Hidayat al-Sibyan ini. Di sana terdapat kitab yang ditulis dalam bentuk syair seperti kitab Syair Kitab al-Nikah, Syair Hukum Faraid dan Syair Siti Sianah yang ditulis oleh

seorang ulama Melayu yang berkaliber pada kurun ke 18 iaitu Syeikh Raja Ali Haji (Abu Hassan Sham, 1995). Manakala kitab Jawi yang ditulis dalam bentuk soal jawab boleh didapati dalam karangan Syeikh Daud al-Fatani seperti kitab *Furu' al-Masail* dan karangan Syeikh Zainul Abidin iaitu *Kasyf al-Litham* (Wan Mohd Saghir, 2019).

KONSEP ILMU FARDU AIN DAN KEPENTINGANNYA DALAM KEHIDUPAN SEORANG MUSLIM

Agama Islam merupakan undang-undang Allah SWT yang didatangkan kepada para rasulNya untuk disampaikan kepada umat, sama ada yang bersangkutan paut dengan akidah, ibadat, muamalat dan sebagainya (Abdul Aziz, 1994). Setelah seseorang itu melafazkan dua kalimah syahadah yang menjadi tunjang utama bagi seseorang individu Muslim, dia perlu melaksanakan segala perkara yang bersangkutan paut dengan agama, terutama perkara-perkara yang dihukumkan sebagai fardu ain.

Menurut Imam al-Ghazali (t.th.), Imam al-Nawawi (1995) dan al-Zarnuji (1996) fardu ain diertikan sebagai ilmu tentang tatacara amal yang wajib dipelajari oleh setiap individu apabila sampai masanya seperti asas akidah, tatacara ibadat asas serta perkara yang diharamkan dan diharamkan, dan ilmu perihal hati dan akhlak batin. Al-Zarnuji (1996) mentakrifkan ilmu fardu ain sebagai ilmu "hal" iaitu ilmu yang wajib dituntut mengikut keadaan yang bakal ditempohi oleh setiap individu. Beliau menyebut dalam kitab *Ta'lim al-Muta'allim* seperti berikut (dengan ubah suai):

"Ketahuilah kamu bahawa tidaklah menjadi kefarduan ke atas setiap orang Islam untuk menuntut semua ilmu, sesungguhnya yang diwajibkan ke atasnya ialah menuntut ilmu al-hal iaitu situasi/keadaan yang ia akan alami, pada apa jua keadaan, seperti ilmu berkenaan perkara yang menyebabkan sah solatnya, puasanya, zakatnya, hajinya dan urusan jual beli."

Berdasarkan hadis Jibril AS apabila Baginda Nabi SAW ditanya oleh malaikat Jibril AS tentang Islam, iman dan ihsan, tuntutan fardu ain terkandung dalam tiga asas atau rukun utama agama Islam iaitu akidah, fiqh dan tasawuf. Iman bakal terhasil apabila seseorang mukalaf membenarkan (mempercayai dengan hatinya serta mengaku dengan putus dan yakin bahawa benar) segala perkara yang dibawa datang oleh Rasulullah SAW yang berkaitan agama yang dimaklumi secara *dharurah* (telah maklum oleh umum dan tidak perlu kepada berfikir dan dibahaskan), berdasarkan dalil-dalil yang putus dan yakin (Abdul Aziz, 1994). Dari sudut akidah, seseorang Muslim itu mesti mempelajari ilmu akidah yang berkaitan dengan ketuhanan, kenabian dan perkara-perkara ghaib menurut pendekatan ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah, yang biasa dikenali dengan pengajian Sifat 20.

Manakala, bagi hukum-hakam fiqh, perkara yang paling utama ialah ilmu yang bersangkutan paut dengan tatacara ibadat. Di dalam *rubu' ibadat* dalam kitab-kitab turath

fiqh Syafie dan lainnya, tajuk-tajuk utama yang dimuatkan ialah bersuci, solat, zakat, puasa, haji dan umrah. Di antara topik-topik tersebut, perkara yang paling asas dalam *rubu'* ibadat sebagai fardu ain ialah ilmu yang bersangkutan paut dengan bersuci dan solat, kerana amalan solatlah yang mesti dilakukan setiap hari dan mula-mula akan ditanya di akhirat kelak. Solat tidak akan sah selagi tidak melakukan tatacara bersuci yang disyariatkan. Rentetan itu, setiap kitab fiqh akan dimulakan dengan membahaskan tentang *taharah* atau bersuci.

Bagi mencapai kesempurnaan agama Islam pula, seseorang Muslim perlu mempelajari ilmu tasawuf untuk merealisasikan ihsan. Dia perlu membersihkan rohaninya (*tazkiyyat al-nafs*) dengan mempelajari tentang akhlak-akhlak mazmumah dan mahmudah untuk proses *al-takahlli* dan *al-tahalli*, iaitu membuang sifat-sifat buruk dan menggantikannya dengan sifat-sifat yang terpuji.

Dari konteks fiqh, Islam telah mensyariatkan beberapa kewajipan ibadat yang wajib dikerjakan ke atas setiap penganutnya bagi menyempurnakan ketaatan seorang hamba kepada Tuhannya. Ini kerana sesuatu ketaatan itu bukan sekadar terhenti pada pengakuan terhadap ketuhanan kepada Allah SWT sahaja, namun ketaatan itu mestilah diiringi dengan mengikut dan melakukan segala suruhan dan meninggalkan segala larangan yang ditetapkan oleh agama Islam. Setiap individu Islam mukalaf diwajibkan mematuhi hukum-hukum Islam dan melakukan ibadat yang diperintahkan oleh Allah SWT. Berdasarkan firman Allah SWT dalam surah Taha, ayat 132 dan hadis Nabi SAW, adalah menjadi tanggungjawab bapa, ibu, penjaga atau sesiapa yang mempunyai kuasa untuk mengajar dan menyuruh kanak-kanak yang telah mencapai umur mumaiyiz di bawah penjagaan atau tanggungjawab mereka untuk melakukan solat fardu dan puasa Ramadan (Al-'Aitah, t.th.).

Urusan ibadat merupakan fardu ain yang mesti dilakukan oleh setiap mukalaf termasuk mualaf sejurus selepas memeluk agama Islam. Bagi seorang kanak-kanak mumaiyiz perlu melakukan solat apabila sampai umur baligh, sama ada dengan alamat atau tanda seperti keluar air mani atau kedatangan darah haid atau dengan sampai umur 15 tahun hijrah. Bagi seorang mualaf pula apabila dia mengucap dua kalimah syahadah. Ketika itu halangan untuk melakukan ibadatnya yang dikenali dengan istilah (*mani'*) hilang. Jika masih berbaki waktu solat sekurang-kurangnya sekadar takbiratul ihram (waktu yang sangat singkat) tetapi dia tidak melakukan solat tersebut, dia perlu menggantikannya (*qadha*), dengan syarat kekal Islamnya sekadar sekira-kira masa tersebut cukup untuk bersuci dan mendirikan solat. Jika ruang masa masih lagi luas, wajib ke atas mualaf tersebut mempelajari tatacara mengerjakan ibadat solat (Al-Kaf, 2003).

Taharah atau bersuci merupakan syarat utama bagi sahnya ibadat solat. Allah SWT telah mensyaratkan kesucian daripada sebarang najis pada tubuh badan, tempat dan juga pakaian seseorang bagi membolehkannya melaksanakan ibadat solat. Ulama

mazhab Syafie telah sepakat bahawa sesiapa yang sengaja mengerjakan solat tanpa menyucikan dirinya daripada najis yang tidak dimaafkan maka ibadat solatnya itu tidak sah dan wajib diulangi semula (Al-Bajuri, 2016). Konteks bersuci yang dibahaskan di dalam kitab-kitab fiqh kebiasaannya adalah berkisar pada bab wuduk, mandi wajib, tayamum dan cara menghilangkan najis. Ini kerana keempat-empat perkara tersebut adalah *maqasid* bagi perbahasan *taharah* serta syarat utama bagi sahnya ibadat solat (Al-Syatiri, 2007).

Di dalam kitab-kitab turath fiqh, perbahasan tajuk-tajuk dibahagikan kepada empat bahagian iaitu ibadat, muamalat, munakahat dan jenayat. Para fuqaha dari pelbagai mazhab telah bersepakat mendahulukan tajuk ibadat di atas tajuk-tajuk lain kerana urusan ibadat berkait rapat dengan hak Allah SWT dan ia adalah matlamat dari penciptaan jin dan manusia. Hukum-hakam ibadat juga lebih banyak berulang daripada hukum-hakam berkaitan tajuk-tajuk lain. Apabila dilihat kepada teks-teks turath fuqaha syafi'iyah, mereka memulakan karangan mereka dengan meletakkan tajuk ibadat di awal, kemudian disusuli dengan tajuk muamalat, munakahat dan kehakiman, jenayah dan hudud.

Dari sudut penyusunan bab fiqh ibadat, fuqaha memulakan dengan hukum berkaitan solat kerana ia merupakan rukun Islam yang kedua dan berulang-ulang lima kali setiap hari selain ianya menjadi hisab yang pertama di hari kiamat nanti. Dalam bab solat, perbahasan dimulakan dengan hukum *taharah* kerana ia merupakan syarat sah solat. Bab kedua disusuli dengan tajuk zakat kerana Al-Quran meletakkan zakat seiring dengan solat dan ia merupakan rukun Islam ketiga. Bab ketiga ialah puasa sebagai rukun Islam keempat dan ia merupakan ibadat tahunan. Penutup tajuk ibadat ialah bab haji dan umrah sebagai rukun Islam terakhir dan ibadat yang diwajibkan sekali seumur hidup.

Di antara teks-teks klasik fiqh Syafie berbahasa Arab yang mengkhususkan perbahasan ibadat yang menjadi teks utama bagi peringkat asas pengajian fiqh bagi peringkat permulaan ialah kitab Masail al-Ta'lim yang masyhur dengan nama al-Muqaddimah al-Hadhramiah karangan Syeikh Abdullah Ba Fadl al-Hadhrami dan kitab Safinah al-Naja karangan Syeikh Salim bin Abdullah al-Hadhrami. Bagi masyarakat Islam di Malaysia, di antara teks-teks Jawi yang masyhur ialah Hidayat al-Sibyan bagi peringkat permulaan dan Wisyah al-Afrah wa Isbah al-Falah. Manakala kitab Sabil al-Muhtadin li Tafaqquh fi Amr al-Din dan Bughyah al-Tullab bagi peringkat perbahasan secara detil dan terperinci dan masalah-masalah furuk (cabang-cabang fiqh).

KITAB HIDAYAT AL-SIBYAN FI MA'RIFAT AL-ISLAM WA AL-IMAN SEBAGAI MEDIUM PENYAMPAIAN ILMU FARDU AIN

Bagi menerangkan tajuk ini, penulis membahagikan perbincangan kepada dua bahagian utama: biografi dan ketokohan pengarang dan analisis metodologi penulisan kitab.

BIOGRAFI DAN KETOKOHAN PENGARANG

Tuan Hussein Kedah al-Banjari atau nama penuhnya Abu Abdullah Hussein bin Muhammad Nasir bin Muhammad Tayyib bin Mas'ud bin Qadhi Abu Su'ud bin Syaikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari dilahirkan pada hari Ahad 20 Jamadilawal 1280H bersamaan 2 November 1863 di Titi Gajah, Kedah. Beliau mashyur dengan nama Tuan Guru Tuan Hussin Kedah (Wan Mohd Shaghir, 2009). Menurut Abdul Ghani Said (1998), Tuan Hussain Kedah al-Banjari adalah pengasas kepada enam buah pondok pengajian dalam negeri Kedah dan sebuah di Pokok Sena, Seberang Perai, termasuk Madrasah Taufiqiah al-Khairiah di Padang Lumat, Yan, Kedah (kemudiannya dikenali sebagai Pondok Pak Ya). Ini tidak termasuk usaha beliau membangunkan semula pondok datuknya di Gajah Mati, Jitra, Kedah.

Wan Mohd Shaghir (2009) mencatatkan bahawa keturunan Tuan Hussin Kedah adalah berasal dari Kelompoyan Martapura Banjarmasin, Kalimantan, Indonesia. Dan beliau adalah dari keturunan Syaikh Muhammad Arsyad al-Banjari, pengarang kitab Sabil al-Muhtadin. Sejarah kedatangan keturunan beliau ke Kedah adalah apabila datuk kepada datuknya yang bernama Qadhi Haji Abu Su'ud diceritakan bahawa beliau pulang dari Makkah untuk meneruskan perjalanannya pulang ke Banjar telah singgah di Kedah. Apabila sultan Kedah mendapat tahu kehadiran ulama Banjar ini maka baginda Sultan Kedah telah meminta kepadanya supaya tinggal di Kedah untuk menjadi guru baginda dan rakyat Kedah.

Tuan Hussain Kedah mendapat asuhan awal daripada ibunya Tengku Fatimah dan didikan agama daripada datuknya Haji Muhammad Thayyib bin Mas'ud al-Khalidi an-Naqsyabandi seorang ulama terkenal di Kedah yang mengasas pondok pengajian agama di Titi Gajah sekitar tahun 1870M. Apabila masuk umur belasan tahun, beliau telah mahir dalam Bahasa Arab dan sudah agak tinggi ilmu agamanya (Abdul Ghani, 1998). Seterusnya beliau menyambung pelajarannya di di Pondok Bendang Daya, Fatani. Beliau sempat belajar dengan Tuan Guru Syaikh Haji Wan Mustafa bin Muhammad al-Fatani (Tok Bendang Daya I) dan selanjutnya kepada anak beliau, Syaikh Abdul Qadir bin Syaikh Wan Mustafa (Tok Bendang Daya II). Selain di Bendang Daya, Tuan Hussein Kedah juga pernah belajar di Pondok Semela, pondok di mana datuknya pernah menuntut ilmu. Tuan Hussain Kedah telah merantau ke Kelantan, Terengganu, Singapura, Johor dan Perak untuk mendalami ilmu agama. Setelah lama di perantauan

mencari ilmu, beliau kembali ke Titi Gajah dengan niat untuk membantu datuknya mengajar (Wan Mohd Shaghir, 2009).

Pada tahun 1892, beliau berangkat ke Mekah bersama isterinya iaitu Wan Khadijah binti Wan Yusuf untuk mengerjakan haji dan menuntut ilmu. Ketika di Mekah beliau sempat berjumpa dan berguru dengan ulama-ulama besar di sana seperti Syaikh Abdul Qadir bin Abdur Rahman al-Fatani, Sayyid Ahmad bin Zaini Dahlan, Syaikh Muhammad bin Sulaiman Hasbullah al-Makki, Syaikh Nawawi al-Bantani, Syaikh Umar Sumbawa, Syaikh Ahmad Umar Bali, Syaikh Ahmad Lingga, Syaikh Wan Ahmad al-Fatani dan lain-lain (Wan Mohd Shaghir, 2009).

Berlainan dengan ulama lain, Tuan Hussain telah berpindah-berpindah dari suatu tempat ke tempat yang lain sejak 1315H/1897M sehingga tahun 1354H/1935M sebanyak enam kali. Ke mana saja beliau pergi beliau telah meninggalkan pusat pengajian yang tetap menjadi tumpuan murid dari merata-rata tempat (Abdul Ghani, 1998; Mat Saad, 2011).

Apabila Tuan Hussain pulang dari Mekah pada tahun 1896M, beliau meneruskan pengajarannya di pondok Titi Gajah dan pada waktu yang sama beliau ditawarkan untuk membuka pondok di kampung Alor Ganu, sebuah perkampungan yang berhampiran. Beliau menerima tawaran tersebut dan mengajar di sana selama tiga tahun. Pada tahun 1900, beliau berpindah Bohor dan membuka pondoknya di sana. Tuan Hussain mengendalikan pondoknya di Bohor selama 12 tahun sehingga beliau terkenal dengan panggilan "Tuan Hussain Bohor" (Abdul Ghani, 1998).

Pada tahun 1912, Tuan Hussain berpindah pula ke Bagan Ulu dan membuka pondok di situ. Tempat ini sekarang dikenali sebagai Pantai Merdeka. Pelajar-pelajarnya berjumlah lebih 400 orang. Tuan Hussain mentadbir pondok Bagan Ulu selama 8 tahun sebelum membuka pondok baru di Selengkoh, Mukim Sungai Limau. Beliau berkhidmat di sana selama 4 tahun dan kemudiannya berangkat mengerjakan fardu haji. Setelah pulang dari Mekah pada tahun 1924M, Tuan Hussain telah membuka pondok baru pula di Padang Lumat. Seterusnya beliau membuka pondok di Pokok Sena, Seberang Perai pada akhir tahun 1929M.

Tuan Hussain Kedah adalah seorang ulama yang warak. Beliau pernah menolak jawatan mufti yang ditawarkan oleh Sultan Kedah sebaik saja beliau pulang dari Mekah sekitar tahun 1318H dan jawatan Syeikhul Islam yang merupakan jawatan tertinggi dalam pentadbiran agama di negeri Kedah. Beliau khuatir tidak mampu menjalankan tanggungjawab dengan adil dan memilih hidup bebas daripada terikat dengan jawatan rasmi (Abdul Ghani, 1998).

Tuan Hussain sangat rajin beribadah dan sangat memuliakan tariqat, bagi beliau tariqat merupakan amalan tertinggi untuk menghaluskan akhlak dan budi pekerti serta jalan menghampirkan diri kepada Allah. Beliau mengamalkan Tariqat Syattariah. Beliau

telah terkenal sebagai seorang ulama yang mencapai darjat wali Allah (Abdul Ghani, 1998). Namun begitu, beliau tidak setuju dengan sesetengah golongan yang hanya mengamalkan tariqat tetapi mengabaikan syariat lahir dan tidak menunaikan tanggungjawab pada masyarakat.

Tuan Hussain Kedah adalah seorang tuan guru pondok yang tegas. Pelajarnya tidak dibenarkan merokok dan berambut panjang, tidak menyanyi dan tidak bergaul bebas lelaki dan perempuan. Beliau menyusun kedudukan pondok lelaki, perempuan dan kelamin dengan kemas bagi mengelakkan daripada pergaulan bebas (Abdul Ghani, 1998; Mat Saad, 2011). Menurut Abdul Ghani Said (1998), dalam melaksanakan hukum Tuan Hussain sangat berhalus dan tegas. Beliau adalah orang pertama menentang sistem riba dalam soal pinjam-meminjam serta menolak pelaksanaan peraturan tauliah mengajar yang diselewengkan, dan menentang pelaksanaan akta cetak kitab yang disalahgunakan.

Tuan Hussain Kedah wafat pada 18 Zulkaedah 1354H bersamaan 10 Februari 1936M ketika berumur 72 tahun dan jenazahnya telah dikebumikan di tanah perkuburan Islam wakafnya sendiri di Titi Gajah.

Tuan Hussain Kedah adalah seorang ulama besar dan pendakwah yang sangat gigih dalam perjuangan menggunakan perkataan dan penulisan. Beliau telah menghasilkan tidak kurang daripada 18 buah kitab meliputi bidang fiqh, usuluddin, tasawuf dan pengetahuan umum dengan berorientasikan pemikiran Ahli Sunnah Wal Jamaah. Menurut Abdul Ghani Said (1998), Tuan Hussain merupakan ulama Kedah yang terbanyak mengarang kitab pada zamannya. Di antara karya-karya penulisan beliau mengikut bidang ialah (Wan Mohd Saghir, 2009):

1. **Tauhid/akidah:** al-Nur al-Mustafid fi 'Aqa'id ahl al-Tauhid, Tamrin al-Sibyan fi Bayan Arkan al-Islam wa al-Iman, Hidayat al-Atfal, Hidayat al- Mutafakkirin fi Tahqiq Ma'rifat Rabb al-'Alamin, Bidayat al-Talibin ila Ma'rifat Rabb al-'Alamin, Tabsirah li Uli al-Albab, Hidayat al-Ghilman.
2. **Fiqh:** Hidayat al-Nikah, Majmu al-La-ali li al-Nisa' wa al-Atfal, Bunga Geti.
3. **Tauhid dan fiqh:** Hidayat al-Sibyan fi Ma'rifat al-Islam wa al-Iman, Usul al-Tauhid fi Ma'rifat Turuq al-Iman li al-Rabb al-Majid.
4. **Tasawuf dan tariqat:** Kisar al-Aksir li al-Saghir 'Ind al-Kabir li Ma'rifat Allah al-'Alim al-Kabir, Qathr al-Ghaitsiyyah fi 'Ilm al-Sufiyyah 'ala Syari'at al-Muhammadiyyah.
5. **Sirah Nabi SAW:** Tafrih al-Sibyan fi Maulid al-Nabi min Walad al-'Adnan.
6. **Hadis:** Tazkir al-Qabail al-Qadhi.
7. **Ilmu saraf (bahasa Arab):** 'Alaqqat al-Lamiyah wa al-Sarfiyah.
8. **Amalan zikir dan wirid:** Nail al-Maram fi ma Yujab Husn al-Khitam.

9. **Penghidupan dan pentadbiran pemerintahan:** Tanbih al-Ikhwan fi Tadbir al-Ma'isyah wa al-Taslik al-Buldan.

ANALISIS METODOLOGI PENULISAN KITAB HIDAYAT AL-SIBYAN FI MA'RIFAT AL-ISLAM WA AL-IMAN

Latar Belakang Kitab:

Hidayat al-Sibyan fi Ma'rifat al-Islam wa al-Iman merupakan karya fiqh Jawi dalam permasalahan ibadat berdasarkan mazhab Syafie yang disusun oleh Syeikh Hussain Nasir bin Muhammad Taib al-Mas'udi al-Banjari. Di halaman hadapan kitab ini pengarang menggunakan nama Abu Abdullah Husein Nasir bin Muhammad Tayyib al-Mas'udi al-Banjari. Kitab ini ditulis sebagai panduan umat Islam, khususnya kanak-kanak yang baru mumaiyiz atau mereka yang baharu mula ingin mempelajari ilmu agama Islam, sama ada dari segi akidah atau fiqh. Rentetan itu, kitab ini diberi judul sedemikian yang bermaksud Petunjuk Bagi Mereka Yang Baru Belajar Pada Mengenal Islam dan Iman.

Cetakan yang pertama kitab ini telah dicetak oleh Matba'ah al-Taraqqil Majidiyah al-'Uthmaniyah pada tahun 1330H. Kemudian ianya telah dicetak oleh Matba'ah al-Ahmadiyah yang beralamat di 82 Jalan Sultan, Singapura pada tahun 1345H/1927M, ditashih oleh Syeikh Idris bin Husein al-Kalantani. Dalam penulis artikel ini, penulis menggunakan versi cetakan oleh Percetakan al-Mu'arif Sdn. Bhd. Pulau Pinang yang mengandungi 38 halaman termasuk mukadimah dan isi kandungan kitab yang terletak di akhir kitab.

Walaupun kitab ini agak nipis, tetapi ia merupakan sebuah kitab turath fiqh Syafie Jawi yang sangat popular di Malaysia di kalangan pelajar yang mendalami ilmu agama dan banyak diajar sama ada secara formal di pondok, madrasah dan sekolah agama, mahupun secara umum di surau dan masjid sehingga hari ini. Di samping itu, kitab ini telah menjadi tumpuan para ilmuan dan ahli akademik, lantas kerap dirujuk, dikaji dan ditahkik oleh para mahasiswa di pusat pengajian tinggi tempatan terutama untuk disertasi atau tesis peringkat pra-siswazah dan siswazah.

Kitab ini masih banyak dijual di pasaran, malah telah dirumikan oleh beberapa penerbit tempatan. Contohnya ialah terbitan Al-Hidayah Publications yang telah dialih dari tulisan Jawi ke tulisan Rumi oleh Ustazah Noraine Abu dengan judul "Hidayatush-Shibyan fi Ma'rifatul-Islam wal-Iman, Petunjuk Bagi Yang Baru Belajar Mengenal Islam dan Iman". Buku ini telah diulang cetak pada tahun 2015.

Kandungan Kitab:

Kandungan utama kitab ini membicarakan tentang perkara-perkara asas fiqh dalam mazhab Syafie yang perlu diketahui oleh seseorang Muslim, bermula ia memasuki alam mumayyiz. Tumpuan penulisan kitab ini pada bahagian fiqh ibadat walaupun di awalnya diterangkan secara ringkas berkenaan dengan asas akidah. Terdapat enam tajuk utama *rubu'* fiqh Ibadat telah dibincangkan iaitu bersuci, solat, pengurusan jenazah, zakat, puasa dan haji serta umrah.

Di akhir kitab pada halaman 35 dan 36, untuk memperlengkapkan tiga rukun agama iaitu iman, Islam dan ihsan, pengarang turut menyentuh berkenaan ilmu tasawuf. Beliau memberikan beberapa peringatan sebagai muhasabah diri dalam beramal agar segala amalan anggota zahir kita diterima Allah SWT. Sepertimana yang dinyatakan oleh pengarang di halaman terakhir, kitab ini telah selesai ditulis pada hari Isnin 18 Muharram 1330 Hijrah bersamaan 8 Januari 1912 Masihi.

Secara ringkas, kandungan kitab ini dibahagikan kepada lapan bahagian seperti berikut:

1. *Khutbah al-kitab* atau mukadimah penulis.
2. *Muqaddimah fi al-Iman wa al-Islam*: Mukadimah menerangkan tentang makna iman dan Islam, rukun iman dan Islam, hakikat mengenal (makrifat), bahagian hukum akal dan sifat-sifat wajib bagi Allah SWT dan para rasul.
3. *Kitab al-Salah*: mengandungi 11 fasal. Menerangkan hukum mengenai bersuci merangkumi wuduk, mandi, tayammum, najis, darah wanita, istinjak, syarat sah dan perkara membatalkan solat, azan dan iqamah.
4. *Bab fi Arkan al-Salah*: mengandungi 16 fasal. Fasal 1-8 menerangkan rukun-rukun solat serta syarat-syarat bagi setiap rukun. Fasal seterusnya berkaitan sunat-sunat solat, solat sunat, solat musafir, solat berjemaah, solat Jumaat dan perkara berkaitan orang sakit dan pengurusan jenazah.
5. *Bab al-Zakat*: terbahagi kepada dua fasal. Fasal pertama berkaitan dengan pembahagian zakat. Fasal kedua mengenai beberapa masalah berkaitan zakat.
6. *Bab al-Siyam*: mengenai hukum-hakam puasa dan fasal tentang perkara yang membatalkan puasa.
7. *Bab al-Haj wa al-'Umrah*: berkaitan asas hukum haji dan umrah.
8. *Khatimah*: penutup dan beberapa beberapa peringatan sebagai muhasabah diri dalam beramal.

Keistimewaan dan Gaya Penulisan Kitab:

Kitab ini disusun mengikut susunan turutan bilangan dengan dinyatakan jumlah perkara yang perlu diketahui terlebih dahulu, kemudian dihuraikan dengan lebih terperinci di bahagian lain. Dengan kaedah ini, isi-isi yang hendak disampaikan lebih mudah untuk dihafal dan difahami serta ringkas tetapi padat dan cukup untuk fardu ain bagi mengesahkan amalan. Untuk huraian lanjut, pengarang menyarankan agar dipelajari masalah yang dihuraikan dalam kitab-kitab besar dan detil.

Penyusunan setiap tajuk dalam kitab ini pula adalah mengikut pendekatan yang dilakukan dalam karya-karya fiqh berbahasa Arab dengan membahagikan tajuk-tajuk tersebut di bawah kitab dan fasal. Tuan Hussain Kedah menggunakan kaedah berbentuk "fasal" ini bagi memisahkan suatu isu dengan isu yang lain agar lebih mudah dibezakan oleh pelajar.

Berdasarkan pemerhatian penulis, terdapat dua gaya penulisan yang dapat dianalisis daripada kitab Hidayat al-Sibyan ini, iaitu penggabungan antara tiga ilmu fardu ain dalam sebuah kitab dan penambahan faedah-faedah berkaitan serta perincian permasalahan bagi beberapa hukum yang terpilih. Ini jelas menunjukkan persamaan yang wujud dalam bentuk penulisan kitab-kitab Jawi yang diketengahkan oleh para ulama Melayu yang terdahulu dalam mendidik agama Islam kepada masyarakat.

Kitab Hidayat al-Sibyan terbahagi kepada tiga perbincangan utama iaitu perbincangan tentang ilmu tauhid kemudian diikuti oleh ilmu fiqh serta diakhiri dengan sedikit huraian tentang ilmu tasawuf. Penulis memulakan kitab beliau dengan perbincangan tentang ilmu tauhid yang merangkumi rukun-rukun agama serta konsep ketuhanan dan sifat-sifat yang berkaitan denganNya dengan diakhiri oleh konsep kenabian dan sifat-sifat mereka. Segala perbincangan tauhid yang diketengahkan oleh penulis adalah mengikut janaan Ahli Sunnah Wal Jamaah al-Asyairah dan al-Maturidiah sepertimana yang diikuti oleh semua ulama Melayu semenjak daripada kurun ke 17 Masihi hingga ke hari ini.

Adapun perbincangan fiqh dalam kitab Hidayat al-Sibyan adalah bersumberkan mazhab Syafie yang merupakan mazhab fiqh yang telah diikuti oleh orang Melayu Nusantara sejak daripada zaman awal kedatangan Islam yang disebarkan oleh para ulama yang terdiri daripada ahli keluarga Nabi Muhammad SAW (Al-Attas, 2011). Pengamalan fiqh melalui konsep *taqlid* kepada sesuatu mazhab seperti yang diamalkan oleh masyarakat Melayu selama ini adalah satu amalan yang wajib diteruskan sepertimana yang disepakati oleh ulama (Al-Yafi'i, 2018). Disebabkan faktor inilah Tuan Hussain Kedah telah meneruskan tradisi yang telah sekian lama berdiri di Alam Melayu dengan memuatkan sepenuhnya perbincangan fiqh mengikut mazhab Syafie tanpa mencampur-adukkan dengan pendapat daripada mazhab yang lain.

Pada bahagian akhir kitab Hidayat al-Sibyan, penulis mengakhiri kitab beliau dengan perbincangan ilmu tasawuf yang menyentuh tentang hakikat diri serta beberapa sifat kepujian dan kecelaan yang perlu dibersihkan daripada hati manusia seterusnya menghiaskannya dengan sifat kepujian. Perbincangan yang dibawa oleh pengarang tentang kebersihan hati melalui saranan beliau agar pembaca menyedari hakikat kelemahan diri manusia, kemudian membuang sifat-sifat tercela seperti takbur dan riak seterusnya berusaha menghiasinya dengan sifat-sifat terpuji adalah suatu proses untuk mencapai kesempurnaan iman kerana proses tersebut merupakan sebahagian daripada hakikat keimanan (al-Ghazali, 2010).

Penggabungan bagi ketiga-tiga bidang ilmu ini menjadikan kitab Hidayat al-Sibyan sebagai sebuah kitab yang lengkap dalam menyempurnakan asas utama bagi tuntutan ilmu fardu ain yang wajib diketahui oleh setiap individu yang beragama Islam. Pendekatan yang digunakan oleh pengarang di sini memiliki persamaan dengan beberapa buah kitab fiqh Jawi yang lain. Di antara kitab-kitab yang turut memuatkan tiga disiplin ilmu dalam sebuah kitab adalah seperti Wisyah al-Afrah wa Isbah al-Falah karangan Syeikh Muhammad bin Ismail al-Fatani, Sullam al-Mubtadi karangan Syeikh Daud al-Fatani dan Minhaj al-Salam karangan Syeikh Muhammad Zain al-Din al-Sambawi.

Walaupun kitab-kitab tersebut memiliki persamaan dari sudut penggabungan ilmu-ilmu tauhid, fiqh dan tasawuf tetapi setiap satu daripadanya berbeza pada aspek isi kandungan. Sebagai contoh, kitab Wisyah al-Afrah hanya membahaskan tentang ibadah solat sahaja pada bahagian fiqh sedangkan kitab Hidayat al-Sibyan melanjutkan perbincangannya sehingga ibadah haji. Berbeza pula dengan kitab Minhaj al-Salam yang menambah perbincangan tentang akikah, sumpah dan nazar selepas daripada bab haji dan umrah seterusnya menjadikan bahagian fiqh kitab tersebut lebih luas daripada kitab Hidayat al-Sibyan. Walaupun begitu, satu-satunya kitab yang memiliki bahagian fiqh yang paling komprehensif adalah kitab Sullam al-Mubtadi kerana pengarang kitab ini telah memuatkan keempat-empat bahagian hukum fiqh iaitu ibadah, muamalah, munakahat dan jenayah. Oleh yang demikian, kitab Hidayat al-Sibyan boleh dianggap sebagai kitab pertengahan antara keempat-empat kitab yang disebutkan di atas dalam membincangkan masalah fiqh dengan memuatkan bab ibadah yang paling lengkap.

Dalam menyentuh bahagian tauhid dan tasawuf, penulis membicarakan masalah-masalah yang berkaitan secara sederhana seperti kitab-kitab yang lain sahaja tanpa memperincikan setiap satu daripada isi kandungan ilmu-ilmu tersebut. Jika dilihat pada bab tauhid, pengarang hanya membilang rukun-rukun Islam dan Iman kemudian dilanjutkan dengan penerangan berkenaan hukum akal, penjelasan berkaitan sifat-sifat yang wajib, mustahil dan harus bagi Allah SWT dan juga para Nabi. Pendekatan ini turut sama digunakan dalam kitab-kitab yang seangkatan dengan kitab Hidayat al-Sibyan.

Begitu juga perbincangan tasawuf yang mana pengarang hanya menulis sedikit sahaja intipati terpilih yang berkaitan dengan ilmu tasawuf sepertimana kitab-kitab yang lain. Hal ini kerana perbincangan tentang tauhid dan tasawuf pada tahap permulaan adalah tidak begitu detil dan mendalam sepertimana ilmu fiqh yang melibatkan beberapa amal ibadah seperti bersuci, wuduk, solat, puasa, zakat dan haji. Oleh kerana inilah kitab Hidayat al-Sibyan serta kitab-kitab yang dibandingkan bersama di atas lebih dikenali oleh masyarakat Melayu sebagai kitab fiqh berbanding kitab tauhid ataupun kitab tasawuf.

Metodologi kedua yang dapat dianalisis daripada gaya penulisan kitab Hidayat al-Sibyan adalah pada isi kandungan yang berkaitan dengan permasalahan fiqh yang ditulis oleh pengarang. Ilmu fiqh biasanya terdiri daripada perbincangan mengenai syarat wajib, syarat sah, rukun, perkara sunat dan perkara yang membatalkan sesuatu amalan. Namun di kalangan kitab Jawi, terdapat pengurangan atau penambahan pada isi kandungan perbincangan tersebut sama ada pengarang berniat untuk menyenaraikan sahaja perkara-perkara tersebut secara ringkas tanpa sebarang penghalusan terhadap masalah-masalah berkaitan ataupun pengarang melanjutkan perbincangan dengan memuatkan perbincangan yang agak terperinci.

Kitab Hidayat al-Sibyan ini mengandungi penghuraian masalah fiqh yang sederhana iaitu perbincangan topik berkenaan ibadat secara ringkas namun turut disertai dengan masalah-masalah furuk yang berkaitan tanpa terlalu mendalam sehingga melibatkan isu-isu yang terdapat perselisihan oleh ulama mazhab. Walaupun begitu, berdasarkan pemerhatian penulis terdapat satu permasalahan yang mana pengarang menegaskan pendirian beliau dalam memilih satu pendapat ulama iaitu mengenai pergerakan dalam solat yang melibatkan perbuatan sunat.

Tuan Hussain Kedah menyatakan bahawa Imam Ibnu Hajar al-Haitami (w. 974H) berpendapat bahawa pergerakan yang melibatkan amalan sunat seperti mengangkat dua tangan ketika bangun daripada rukuk turut diambil kira dalam pengiraan tiga pergerakan berturut-turut yang membatalkan solat. Dalam fasal perkara yang membatalkan sembahyang, di halaman 14 baris ketiga hingga keenam dari atas pengarang menyebutkan:

“Keduanya (daripada perkara yang membatalkan solat): Perbuatan yang banyak iaitu tiga kali berturut-turut dan jika dengan lupa sekalipun seperti tiga langkah atau tiga gerak sama ada ia dengan satu anggota atau dengan tiga anggota atau dihisab akan tiga itu dengan gerak yang sunat sekalipun. Demikianlah barang yang berkata akan dia Allamah Ibnu Hajar seperti dua gerak yang sunat dan satu gerak yang lain jadi tiga maka batal sembahyang dengan yang tersebut itu.”

Pendapat ini berlawanan dengan apa yang dipegang oleh Imam Shamsuddin al-Ramli (w. 1004H) yang mengecualikan pergerakan sunat dalam pengiraan perbuatan yang membatalkan solat (Ba 'Alawi, 2013). Penegasan pengarang dalam memilih

pendapat Imam Ibnu Hajar dalam hal ini mempamerkan kecenderungan masyarakat serta ulama di kawasan Asia yang lebih banyak mengamalkan pendapat Imam Ibnu Hajar berbanding Imam Ramli kerana pengislaman yang berlaku di kawasan Nusantara adalah datangnya daripada ahli keluarga Rasulullah SAW di Hadhramaut, Yaman (Al-Attas, 2011). Tambahan pula, seperti sedia maklum bahawa majoriti ulama Nusantara adalah lepasan pengajian di Mekah yang berorientasikan aliran fiqh mazhab Syafie yang cenderung kepada Imam Ibnu Hajar. Dalam disiplin fiqh mazhab Syafie, para ahli ilmu telah menetapkan bahawa pendapat muktamad mazhab ialah pendapat yang disepakati oleh Imam al-Nawawi dan Imam al-Rafi'e, kemudian apa yang ditarjihkan oleh Imam Ibnu Hajar dan Imam Ramli. Namun ulama Hadhramaut dan Hijaz cenderung mengambil pendapat Ibnu Hajar sebagai muktamad berbanding Imam Ramli (Al-Hafnawi, 2017).

Selain itu, penulis memperoleh sumber lisan dari pengajian kitab Hidayat al-Sibyan bahawa ada yang menyatakan pemilihan pendapat Imam Ibnu Hajar ini merupakan salah satu manhaj pengarang dalam menyampaikan ilmu fardu ain kepada golongan awam. Pendapat yang agak tegas perlu juga digunakan untuk mengelakkan daripada orang awam meringan-ringankan masalah pergerakan yang banyak di dalam sembahyang dan bermain-main sehingga boleh menghilangkan kekhusyukan dalam sembahyang yang menjadi tujuan penting pengabdian hamba kepada Tuhannya.

Pada bab yang menyentuh tentang rukun solat, Tuan Hussain Kedah telah memperincikan tiap satu daripada rukun yang tiga belas dengan mendatangkan beberapa syarat tertentu bagi setiap rukun tersebut. Sebagai contoh, beliau menyatakan bahawa syarat sah bagi rukun kedua iaitu takbiratul ihram adalah sebanyak dua puluh satu syarat dan syarat bacaan surah al-Fatihah pula sebanyak sepuluh syarat. Begitu juga bagi rukun-rukun sembahyang yang lain beliau turut menyenaraikan syarat-syarat yang mesti disempurnakan bagi menjadikan sesuatu rukun yang dilakukan itu sah disisi syarak. Perincian seperti ini menjadikan kitab Hidayat al-Sibyan sebagai kitab yang sederhana kritikal dalam membicarakan tentang rukun solat berbanding kitab-kitab Jawi lain yang tidak mempunyai penyenaian syarat-syarat bagi rukun solat seperti Sullam al-Mubtadi, Minhaj al-Salam dan Wisyah al-Afrah. Namun kitab ini tidaklah terlalu mendalam seperti kitab Jawi Bughyah al-Tullab, Sabil al-Muhtadin dan Kasyf al-Litham.

Sepertimana kitab-kitab fiqh yang lain sama ada yang ditulis dalam bahasa Arab atau Jawi, pengarang Hidayat al-Sibyan turut menggunakan beberapa istilah khas bagi menunjukkan sebarang peringatan atau penghalusan masalah yang akan diutarakan. Tuan Hussain Kedah memulakan sesuatu topik yang lebih kecil (*far'*) dengan kata-kata "Bermula", "Adapun", dan "Dan demikian lagi". Bagi menerangkan isu-isu berbangkit yang memerlukan huraian lebih lanjut bagi sesetengah masalah, pengarang menjadikannya di bawah tajuk "Syahdan", "Tanbih", "Bersalahan" dan "Masalah"

sebelum memulakan kupasan masalah-masalah tersebut. Untuk penambahan ilmu dan amalan tambahan, pengarang meletakkan di bawah tajuk “Faidah”.

Contoh yang dapat dilihat adalah pada topik solat berjemaah ketika mana pengarang ingin menerangkan tentang hukum bagi makmum yang melakukan dua rukun yang terdahulu daripada imam atau tertinggal dua rukun daripadanya. Di halaman 24, baris kelima dari bawah beliau menyatakan:

“Tanbih: Jika terdahulu makmum atas imamnya atau terkemudian daripadanya dengan dua rukun fi’li keduanya jika tiada panjang keduanya sekalipun dengan tiada uzur maka batal sembahyangnya bersalahan jika dengan uzur”.

Perkara yang menarik perhatian dalam kitab Hidayat al-Sibyan ini adalah terdapatnya huraian ringkas mengenai masalah yang kebiasaannya ditimbulkan oleh golongan *mutasawwifah* atau pseudo-sufi yang melakukan pendakwaan yang tidak benar dengan alasan mereka telah mencapai suatu “hal” yang mengecualikan diri mereka daripada melakukan kewajipan syarak. “Hal” adalah keadaan-keadaan rohani tertentu yang datang ke atas hati tanpa diperhatikan, difikirkan dan diusahakan, berupa perasaan seperti gementar, sedih, rindu, tenang dan sebagainya (Al-Kayyali, 2011). Ini merupakan bentuk kedekatan kepada Allah SWT yang dikurniakan kepada hati para salik jalan kesufian.

Di sini dapat diperhatikan bahawa pengarang kitab yang juga seorang ahli sufi yang telah mencapai tahap kewalian (Abdul Ghani, 1998) turut berwaspada dengan isu-isu yang berkaitan dengan golongan tersebut yang mungkin timbul pada zaman beliau. Hal ini bersamaan dengan usaha yang dilakukan oleh Syeikh Nuruddin al-Raniri pada kurun ke-17 yang banyak mengkritik dakwaan daripada golongan Wujudiiyah (Al-Attas, 1962). Kenyataan mengenai perkara ini dapat dilihat dalam bab solat Jumaat pada halaman 27 baris kesembilan hingga tiga belas dengan katanya:

“Tanbih: Telah berkata Imam Ghazali rahimahullah Taala barangsiapa mendakwa bahawasanya antaranya dan antara Allah Taala satu hal yang menggugurkan ia daripadanya akan wajib sembahyang atau mengharus baginya minum arak atau makan harta manusia dengan tiada sebenarnya seperti menyangka oleh setengah daripada orang yang mengaku dirinya ahli Tasawuf maka tada syak pada wajib bunuh akan dia tetapi bermula bunuh orang yang demikian terlebih afdal daripada bunuh seratus kafir yang asli kerana bahawasanya mudaratnya itu terlebih banyak daripada mudarat kafir yang asli”

Seterusnya kitab Hidayat al-Sibyan turut menonjolkan sikap keterbukaan yang dibenarkan dalam mengamalkan pendapat yang terdapat dalam mazhab lain walaupun kitab ini adalah bersumberkan mazhab Syafie sepenuhnya. Pemilihan pendapat daripada mazhab lain dalam sesuatu masalah adalah tindakan yang dibenarkan oleh kebanyakan ulama khasnya apabila berlaku kepayahan apabila mengikut pendapat mazhab Syafie. Namun ia hanya dibenarkan jika sekiranya ia mengikut cara dan situasi

yang tidak menyalahi kaedah tertentu seperti yang telah ditetapkan oleh para ulama (Al-Yafi'i, 2018). Jika dilihat pada bab niat berpuasa Ramadan, pengarang telah menukikan pendapat daripada Imam Syihabuddin al-Qalyubi (w. 1069H) yang menganjurkan agar orang yang berpuasa meniatkan untuk sebulan secara penuh dengan bertaklid kepada mazhab Imam Malik (w. 179H). Di halaman 33 baris ke-11 hingga 14:

“Tanbih: Telah berkata Syeikh Qalyubi: dan sunat bahawa berniat ia pada malam yang pertama daripada Ramadan itu dengan (nawaitu souma shahri Ramadan kullahu hazihi al-sanah) ertinya sahaja aku puasa satu bulan Ramadan sekaliannya yang pada ini tahun supaya memberi manfaat akan dia taklid akan Imam Malik pada satu hari yang ia lupa akan niat puasa pada malamnya kerana memada pada Imam Malik dengan satu niat pada malam yang pertama daripada sebulan Ramadan itu intaha”.

Gaya Bahasa Kitab:

Seperti kelaziman bentuk penulisan di dalam karya-karya Jawi beliau, Tuan Hussain Kedah menggunakan lengkok dan ibarat bersifat bahasa Melayu terjemahan Arab. Selain itu, terdapat juga penggunaan bahasa utara dan Banjar. Contohnya: perkataan “berguling di atas lambung” dengan makna “berbaring secara mengiring” bagi mereka yang tidak mampu bersolat secara duduk, dan perkataan “Syahdan” yang membawa erti “berjaga-jaga atau perhatian” bagi memberi peringatan bahawa perkara yang hendak disampaikan selepasnya perlu diberi lebih perhatian. Terdapat juga penggunaan bahasa Arab dalam konteks bahasa Melayu, contohnya: perkataan “mentakhfif”, “diihtimalkan”, “sirwal” dan “hanut”.

Karangan Ulama-ulama Muktabar yang Dirujuk dan Dipetik:

Sumber-sumber rujukan yang digunakan oleh pengarang ialah kitab-kitab fiqh dalam bahasa Arab yang berautoriti dalam mazhab Syafie. Di antaranya yang disebut oleh Tuan Hussain Kedah di dalam kitab ini ialah kitab-kitab Imam al-Ghazali, karangan-karangan Syeikh al-Islam Ibn Hajar al-Haitami dan Syeikh Shamsuddin al-Ramli, terutamanya Tuhfat al-Muhtaj dan Nihayat al-Muhtaj, Hasyiah al-Qalyubi ‘ala Jalaluddin al-Mahalli, Bughyah al-Mustarsyidin dan syarahnya al-Talkhis serta hasyiahnya Ghayat al-Talkhis.

Daripada sumber-sumber di atas, pengarang menghimpunkan kalam-kalam ulama muktabar mazhab Syafie dalam bentuk yang ringkas dan jelas. Dalam keadaan yang tertentu, pengarang memaparkan perselisihan pendapat yang berlaku antara ulama-ulama dalam mazhab. Pengarang turut mengemukakan pandangan yang terpilih daripada sesetengah perselisihan pendapat yang berlaku.

KESIMPULAN

Islam merupakan undang-undang Allah SWT yang didatangkan kepada para rasulNya untuk disampaikan kepada umat, sama ada yang bersangkutan paut dengan akidah, ibadat, muamalat dan sebagainya. Oleh itu, tuntutan fardu ain yang perlu dilaksanakan oleh setiap individu Muslim terkandung dalam tiga asas utama iaitu akidah, fiqh dan tasawuf. Dari sudut hukum-hakam fiqh, perkara yang paling utama ialah ilmu yang bersangkutan paut dengan tatacara ibadat. Di dalam *rubu'* ibadat dalam kitab-kitab turath fiqh Syafie dan lainnya, tajuk-tajuk utama yang dimuatkan ialah bersuci, solat, zakat, puasa, haji dan umrah.

Dalam menyampaikan fiqh Islam kepada masyarakat Melayu, pendidikan formal dan tidak formal menjadikan fiqh mazhab Syafie sebagai asas pembelajaran hukum Islam di sekolah-sekolah kerajaan di Malaysia dan berterusan sehingga ke hari ini sama ada di peringkat rendah atau menengah. Karangan-karangan tokoh-tokoh besar mazhab Syafie telah dibawa masuk dan menjadi teks penyampaian hukum fiqh kepada masyarakat Melayu. Selain teks-teks Arab, penentuan hukum dan permasalahan fiqh masyarakat Melayu turut bersandarkan teks-teks Jawi klasik karya ulama-ulama tempatan. Tidak dapat dinafikan bahawa peranan kitab turath Jawi yang dikarang mengikut disiplin ilmu fiqh mazhab Syafie telah berjaya menjadi perantara penyampaian ilmu-ilmu fardu ain kepada masyarakat Melayu. Kitab-kitab tersebut yang masih giat dicetak dan diajar kepada masyarakat Islam di negara ini perlu diteruskan legasinya hingga bila-bila. Ini penting agar umat Islam di negara ini tetap terus kekal mengamalkan syariat mengikut neraca Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Kitab Hidayat al-Sibyan fi Ma'rifat al-Islam wa al-Iman telah bertindak sebagai salah satu teks utama yang membimbing masyarakat Melayu dengan asas fardu ain. Dengan sifatnya yang ringkas tetapi pada dan mudah sangat sesuai dijadikan teks penting bagi pendidikan ilmu fardu ain peringkat permulaan khususnya bagi golongan kanak-kanak dan mualaf. Kitab yang banyak berkatnya ini telah menambat hati para ilmuwan dan mahasiswa pengajian tinggi untuk mengkaji dan mengulas bagi mengeluarkan butir-butir permata yang tersurat dan tersirat di dalamnya. Penulis melihat bahawa kitab ini perlu diketengahkan di dalam silibus-silibus pengajian fardu ain di sekolah-sekolah formal serta turut dibacakan dan diajarkan kepada para mahasiswa universiti sebagai pengisian keilmuan turath di peringkat tinggi.

RUJUKAN

- Abdul Aziz bin Ismail al-Fatani. 1994. *Risalah al-misbah al-munir fi ma'rifat Allah al-qadir* (Cet. 3). Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Abdul Ghani Said. 1998. *7 Wali Melayu* (Cet. 4). Kuala Lumpur: Mahbook Publications.
- Abdul Halim El-Muhammady. 2012. *Mazhab Shafi'i Wadah Perpaduan Ummah dan Penyeragaman Amalan Syari'at di Malaysia*. Selangor: Bairuni Research Sdn. Bhd.
- Abdul Karim bin Pardon & Muhd Anuar bin Mamat. 2019. Perkembangan penulisan kitab fiqh Jawi: Suatu pengenalan terhadap kitab talkhiş al-falah fi bayan ahkam al-talaq wa al-nikah. Prosiding Seminar Tamadun, Etnik dan Turath Islami. Anjuran Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia. pp. 284-290.
- Abu Hassan Sham. 1995. *Syair-syair Melayu Riau*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Al-'Aitah, Durriyyah. t.th. *Fiqh al-Ibadat 'Ala al-Mazhab al-Syafi'i* (Cet. 5). Damsyik: Matba'ah al-Sobah.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1962. *Raniri and The Wujudhiyyah of 17th Century Aceh*. [Unpublished Master's Thesis]. Institute of Islamic Studies, McGill University, Montreal.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2011. *Historical Fact and Fiction*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Al-Bajuri, Ibrahim bin Muhammad. 2016. *Hasyiah al-Bajuri 'Ala Syarh al-'Allamah Ibn Qasim al-Ghazzi*. Jil. 1. Jeddah: Dar al-Minhaj
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. 2010. *Al-Arba'in fi usul al-din*. Kaherah: Dar al-Taufiqiyah li al-Turath.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. t.th. *Ihya' 'ulum al-din*. Jil. 1. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Al-Hafnawi, Muhammad Ibrahim. 2017. *Al-Fath al-Mubin fi Ta'rif Mustalahat al-Fuqaha' wa al-Usuliyin* (Cet. 6). al-Qahirah: Dar al-Salam.
- Al-Kaf, Hassan bin Ahmad. 2003. *Al-Taqrirat al-Sadidah fi al-Masail al-Mufidah*. Tarim: Dar al-'Ilm wa al-Da'wah.
- Al-Kayyali, Asim Ibrahim. 2011. *Al-Qamus al-Sufiyy*. Beirut: Books Publisher.
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya bin Syaraf. 1995. *Al-Majmu'*. Jil. 1. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Al-Syatiri, Muhammad bin Ahmad. (2007). *Syarh al-yaqut al-nafis fi mazhab ibn idris* (Cet. 2). Beirut: Dar al-Minhaj.

- Al-Yafi'i, Abdul Fattah bin Salih Qudaisy. 2018. *Al-Tamazhub* (Cet. 6). Sanaa: Markah al-Khairat.
- Al-Zarnuji, Burhan al-Islam. 1996. *Ta'lim al-Muta'allim Tariq al-Ta'allum* (Cet. 2). Beirut: al-Maktab al-Islamiyy.
- Ba 'Alawi, 'Umar bin al-Habib Hamid Ba Faraj. 2013. *Fath al-'Ali Bi Jam'i al-Khilaf Baina Ibn Hajr wa Ibn al-Ramli* (Cet. 2). Tahkik: Syifa' Muhammad Hassan Hito. Jeddah: Dar al-Minhaj.
- Daud bin Abdullah al-Fatani. t.th. *Furu' al-Masa'il Wa Usul al-Wasa'il*. Jil. 1. Bangkok: Maktabah wa Matba'ah Muhammad al-Nahdi wa Auladuh.
- Hussain Nasir bin Muhammad Tayyib al-Mas'udi. t.th. *Hidayat al-Sibyan fi Ma'rifat al-Islam wa al-Iman*. Pulau Pinang: Percetakan al-Mu'arif.
- Idris Awang & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim. 2007. Pembudayaan mazhab Syafi'i dalam masyarakat Islam di Malaysia. *Jurnal Fiqh* 4: 157-172.
- Jamalluddin Hashim & Abdul Karim Ali. 2009. Metode penulisan fiqh oleh Nur al-Din al-Raniri dalam kitab al-Sirat al-Mustaqim. *Jurnal Syariah* 17(2): 267-298.
- Kenali Ulama' Kita – Siri 1 (Ulama' Kedah): Tuan Guru Tuan Hussain Muhammad Nasir al-Mas'udi al-Banjar RH. <http://al-fanshuri.blogspot.com/2007/06/kenali-ulama-kita-siri-1-tuan-guru-tuan.html> (diakses pada 21 September 2020).
- Mahmood Zuhdi Haji Abd. Majid. 2007. *Mazhab Syafi'i di Malaysia: Sejarah, Realiti dan Prospek Masa Depan*. *Jurnal Fiqh* 4: 1-38.
- Mat Saad Abdul Rahman. 2011. *Ensiklopedia Ulama'*. Jil. 12. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Muhammad Arsyad al-Banjari. t.th. *Sabil al-Muhtadin li al-Tafaqquh fi Amr al-Din*. Jil. 1&2. Singapura: Pustaka Nasional.
- Nu'man Jaghim. 2011. *Madkhal Ila al-Mazhab al-Shafi'i*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Nur Sa'adah. 2015. Implementasi sistem pembelajaran kitab kuning di madrasah diniyah Islam salafiyah jabalkat sambijajar sumbergempol tulungagung. Disertasi Sarjana Muda. Fakultas Tarbiyah dan Ilmu Keguruan Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Tulungagung.
- Wan Mohd Shaghir. 2009. *Koleksi Ulama Nusantara*. Jil. 1. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Wan Mohd Shaghir. 2019. *Perkembangan Ilmu Fiqih dan Tokoh-tokohnya di Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.